

Usaha Kerajaan Malaysia dalam melaksanakan konsep *Khaira Ummah*

Abstrak

Tanggungjawab membentuk sebuah negara Islam yang cemerlang dalam segala aspek, sekaligus mengemudi imej Islam di serata dunia merupakan di antara usaha yang sangat mulia. Hal yang tersebut perlu direalisasikan dalam bentuk kenegaraan dan membina sebuah tamadun Islam yang gemilang seterusnya dapat melahirkan *Khaira Ummah*. Salah satu langkah penting kerajaan Malaysia ke arah usaha ini ialah program Transformasi Nasional 2050 atau TN50 dan juga G1M ataupun Gagasan 1 Malaysia. TN50 yang dicetuskan oleh pimpinan tertinggi negara ini, yang dipimpin oleh Mohd Najib Tun Abdul Razak memperlihatkan keseriusan dan komitmen kerajaan untuk menyediakan generasi baharu yang berjaya dalam tempoh 30 tahun akan datang. Bahkan TN50 bakal memeta hala tuju negara yang maju menuju 2050 yang digerakkan oleh generasi muda melalui pelbagai wacana nasional. G1M pula bertujuan menyatupadukan rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini tanpa mengubah identiti dan agama kaum-kaum tersebut. Di samping menjaga kepentingan semua kaum, G1M juga menekankan soal integrasi dan pewujudan bangsa Malaysia. Selain itu, G1M menekankan sikap penerimaan dalam kalangan rakyat berbilang kaum. Sesuatu kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar dapat hidup bersama dalam keadaan yang saling hormat-menghormati sebagai rakyat dalam satu negara. Generasi ini di gambarkan al Quran sebagai berkualiti, unggul dan seharusnya menjadi model terbaik untuk diikuti. Pembentukan generasi berkualiti ini mampu membawa lebih banyak kejayaan untuk memartabatkan agama, bangsa dan membina sebuah tamadun yang gemilang.

Kata kunci: *Khaira Ummah*, *al-Wasatiyyah*, konsep, G1M, TN50

PENGENALAN

Sejak awal tahun 1970an, ilmu berkenaan kajian mengenai masa hadapan mula mendapat perhatian yang serius di kalangan sarjana dan pemikir Islam secara khusus, serta membincangkannya sesuai dengan konteks masyarakat Islam masa kini walaupun sebelumnya ia merupakan suatu bidang ilmu yang agak asing di kalangan sebilangan besar umat Islam sebelum itu.

Membuat usaha kajian masa hadapan bukanlah untuk meramal masa hadapan. Bahkan ia adalah suatu disiplin ilmu yang bertujuan untuk meneroka pelbagai alternatif masa hadapan yang timbul hasil daripada beberapa keputusan dan tindakan yang diambil pada masa kini. Justeru, ia lebih bersifat suatu ilmu alat untuk memahami perubahan yang berlaku dalam sesuatu masyarakat serta memberi panduan dalam merencana kaedah penyesuaian diri yang perlu dilaksanakan untuk menangani perubahan tersebut.

Perkara utama yang perlu difahami ialah konsep masa hadapan membolehkan manusia bergerak dan bertindak. Walau pun hakikatnya, manusia tidak mampu mengubah atau mengembalikan masa silam tetapi manusia mampu mengawal masa hadapan yang titik mulanya adalah masa kini. Firman Allah SWT dalam Surah Al Qasas ayat 77:

وَأَبْغُ فِيمَا ءَاتٰكَ اللّٰهُ الدّٰرَ الْاٰخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيْبَكَ مِنَ الدّٰنِيَا وَاَحْسِنَ كَمَا اَحْسَنَ
اللّٰهُ اِلَيْكَ وَلَا تَتَّبِعِ الْفَسَادَ فِي الْاَرْضِ ۗ اِنَّ اللّٰهَ لَا يُحِبُّ الْمُقْسِدِيْنَ ۗ ۷۷

77. Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah) dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.

Kajian masa hadapan ini juga perlu dilihat dalam konteks yang lebih besar sesuai dengan amanah kita sebagai khalifah Allah SWT yang membuat segala perkara yang baik termasuklah kebajikan dan pembinaan sesebuah ketamadunan Islam. Kemuncaknya, kita mencapai hubungan rohani yang hebat iaitu *Taqarrub ilallah* (mendekati Allah SWT).

Sebagai umat Islam, kita bertanggungjawab membentuk sebuah negara Islam yang cemerlang dalam segala aspek, sekaligus mengemudi imej Islam di serata dunia. Hal yang tersebut perlu direalisasikan dalam bentuk kenegaraan dan membina sebuah tamadun Islam yang gemilang seterusnya dapat melahirkan *Khaira Ummah*.

Salah satu langkah penting ke arah usaha ini ialah program Transformasi Nasional 2050 atau TN50 dan juga G1M ataupun Gagasan 1 Malaysia. TN50 yang dicetuskan oleh pimpinan tertinggi negara ini, yang dipimpin oleh Mohd Najib Tun Abdul Razak¹ memperlihatkan keseriusan dan komitmen kerajaan untuk menyediakan generasi baharu yang berjaya dalam tempoh 30 tahun akan datang. Bahkan TN50 bakal memeta hala tuju negara yang maju menuju 2050 yang digerakkan oleh generasi muda melalui pelbagai wacana nasional. G1M pula bertujuan menyatupadukan rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini tanpa mengubah identiti dan agama kaum-kaum tersebut. Di samping menjaga kepentingan semua kaum, G1M juga menekankan soal integrasi dan pewujudan bangsa Malaysia. Selain itu, G1M menekankan sikap penerimaan dalam kalangan rakyat berbilang kaum. Sesuatu kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar dapat hidup bersama dalam keadaan

¹ Mohd Najib Tun Abdul Razak merupakan Perdana Menteri Malaysia yang keenam. Beliau mengangkat sumpah setia sebagai Perdana Menteri pada 3 April 2010.

yang saling hormat-menghormati sebagai rakyat dalam satu negara (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2009).

Generasi ini di gambarkan al Quran sebagai berkualiti, unggul dan seharusnya menjadi model terbaik untuk diikuti. Pembentukan generasi berkualiti ini mampu membawa lebih banyak kejayaan untuk memartabatkan agama, bangsa dan membina sebuah tamadun yang gemilang.

KONSEP *KHAIRA UMMAH* MENURUT ULAMA TAFSIR

*Khaira Ummah*² adalah satu konsep dan istilah yang terdapat di dalam al-Quran. Oleh itu, untuk menganalisis konsep ini ia perlu didekati menerusi pendekatan dan kehendak al-Quran itu sendiri. Apa sebenarnya bentuk, isi dan ciri mendasari konsep ini mestilah seperti dijelaskan al-Quran. Konsep atau istilah *Khaira Ummah*, terungkap dalam ayat 110 Surah Ali Imran³:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Terjemahan : Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)

Syeikh Abdul Rahman al-Sa'di di dalam kitab tafsir beliau,⁴ tafsir al-Sa'di menafsirkan ayat berkenaan *Khaira ummah* dengan menyebutkan bahawa yang menyebabkan umat ini menjadi istimewa dan unggul bahkan terbaik berbanding umat yang lain apabila mereka berusaha untuk nasihat menasihati di dalam cinta dan kebaikan, dakwah, pengajaran, *al-Amru bi al-makruf wa al-nahyu 'an al-munkar*, berusaha ke arah menyempurnakan akhlak dan menyucikan jiwa beserta beriman sepertimana generasi *salafussoleh* beriman.

Ibn Kathir⁵ melalui kitab tafsir al-Quran al-Adzhim, menafsirkan dengan panjang lebar berkenaan ayat *khaira ummah* ini iaitu ayat berkenaan sebaik-baik umat ini merupakan ayat yang bersifat umum untuk seluruh umat berdasarkan tingkatan mereka dengan syarat mereka perlu mengikuti generasi *salafussoleh* disebabkan mereka merupakan sebaik-baik contoh teladan.

Abu Bakar Jabir Al-Jazairi di dalam Tafsir al-Aisar⁶ menjelaskan faktor-faktor yang menyebabkan umat ini menjadi *khaira ummah* apabila mereka beriman sepertimana para sahabat ataupun generasi *salafussoleh* beriman, berjihad pada masa yang sama melaksanakan dakwah *al-Amru bi al-makruf wa al-nahyu 'an al-munkar*. Berdasarkan sebuah hadis rasulullah SAW yang hasan riwayat imam Hakim di dalam al-Mustadrak⁷ :

إِنَّكُمْ تُتِمُّونَ سَبْعِينَ أُمَّةً أَنْتُمْ خَيْرُهَا وَأَكْرَمُهَا عَلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Terjemahan : “ Kamu sekalian (para sahabat) melengkapi tujuh puluh umat, dan kalian merupakan umat yang terbaik dan paling mulia di sisi Allah SWT “

² <https://www.bharian.com.my/node/266993>

³ Surah Al-Imran ayat 110

⁴ Al-Sa'di, Abdul Rahman bin Nashir al-Sa'di, Taisir Kalim al-Rahman fi al-Kalam al-Mannan

⁵ Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* (Riyad: Maktabah Dar al-Salam, 1998)

⁶ Al-Jazairi, Aisar al-Tafasir li al-kalam al-'Aliy al-Kabir

⁷ Hadis Riwayat Imam Hakim dalam al-Mustadrak

Khaira Ummah perlu dijadikan teras untuk mempertahankan kedaulatan Islam dan bangsa bertiangserikan kepada tiga prinsip utama iaitu:

Pertama: *Ummatan Wasata* iaitu umat yang mengambil pendekatan berimbang, adil dan tidak ekstrim. Sebagaimana unjuran pendekatan prinsip wasatiyyah yang dibawa Malaysia selama ini. ia juga bercirikan keterbukaan pandangan dan empati bagi melahirkan norma masyarakat majmuk yang matang serta harmoni.

Kedua: *Fastabiqul Khairat* iaitu berlumba-lumba melaksanakan kebajikan. Sifat ini akan melahirkan masyarakat berilmu yang mencipta kemajuan, masyarakat yang berbudaya saintifik dan teknologi penaakul alam yang berdaya saing, berkeyakinan dan sentiasa mahu maju ke depan di luar kepompong selesa watan mahupun melangkaui sempadan.

Ketiga: *Yanfa'un Nas* iaitu mengambil daripada pesanan Nabi SAW bahawa yang terbaik di kalangan umat Islam adalah yang paling bermanfaat kepada manusia. Dengan itu, generasi yang terbina akan mengangkat kesejahteraan dan kebajikan masyarakat.

Dalam mengangkat kembali kemasyhuran Islam seperti di abad ke-8 dan ke-9, marilah kita pegang kepada pandangan Ibnu Khaldun tentang tiang asas terbinanya tamadun iaitu

(i) penguasaan ilmu sains, matematik dan logik. Di dalam dunia serba moden, Islam perlu mengambil semula tempatnya di puncak dunia dengan menguasai kemahiran yang penting dalam dunia moden.

(ii) keupayaan untuk mentadbir sebuah masyarakat dengan adil dan saksama dengan cara moden yang terbaik untuk kebaikan masyarakat

(iii) kemampuan untuk terus hidup di dalam keadaan yang mencabar dan tidak sekali-kali mengaku kalah.

Di dalam dunia moden hari ini, tamadun Islam gemilang baharu hanya boleh diangkat oleh kerajaan Islam yang berpaksi kepada sistem demokrasi moden, peka tentang kepentingan pendidikan serta menguasai bidang sains dan teknologi. Alhamdulillah, sebagai umat Islam di negara ini, kita telah memenuhi semua kriteria di atas termasuk dianugerahkan dengan geografi strategik di selat Melaka yang mampu mengangkat kembali ketamadunan Islam di peringkat dunia.

Kini bermula kewajiban kita bersama sebagai muslim di Malaysia untuk melakar masa depan Islam yang lebih cerah menjelang tiga dekad akan datang. Marilah kita menggunakan peluang melalui TN50 ini untuk melakar aspirasi untuk Malaysia menjelang tahun 2050.

Menurut Datuk Zakaria Stapa yang merupakan bekas Profesor Fakulti Pengajian Islam dan Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Terdapat juga di dalam al-Quran satu istilah dan konsep yang sama dengan konsep *khaira ummah* iaitu konsep *Ummah Wasat* yang menjadi asas kepada konsep wasatiyyah⁸. Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 143 :

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَتَّبِعُ الرَّسُولَ مِمَّنْ يَنْقَلِبُ عَلَىٰ عَقْبَيْهِ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ هَدَىٰ اللَّهُ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضَيِّعَ إِيْمَتَكُمْ إِنْ اللَّهُ بِالنَّاسِ لَرَّءُوفٌ رَّحِيمٌ ١٤٣

Terjemahan : Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu. Dan Kami tidak menetapkan kiblat yang menjadi kiblatmu (sekarang) melainkan agar Kami mengetahui (supaya nyata) siapa yang

⁸ Selain itu, istilah *al-wasatiyyah* ini juga disebut dalam beberapa ayat yang lain, seperti *al-wusta* (al-Baqarah, 2:238), *awsat* (al-Ma'idah, 5:89), *awsatuhum* (al-Qalam, 68:28), dan *fawasatna* (al-'Adiyat, 100:5).

mengikuti Rasul dan siapa yang membelot. Dan sungguh (pemindahan kiblat) itu terasa amat berat, kecuali bagi orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah; dan Allah tidak akan menyia-nyikan imanmu. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada manusia.

***AL-WASATIYYAH* MENURUT TAFSIRAN AYAT 143 SURAH AL-BAQARAH⁹**

Al-Wasatiyyah adalah istilah Arab yang berasal daripada kata dasar *wasat*. Sebenarnya istilah ini diambil dan dikembangkan daripada ungkapan *ummatan wasatan* (umat pertengahan) yang terdapat dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) umat pilihan lagi adil (*ummatan wasatan*), supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang perkara yang benar dan perkara yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.”¹⁰

Dalam ayat ini, Allah SWT telah menjelaskan bahawa umat Islam sebagai *ummatan wasatan*. Terdapat pelbagai tafsiran *al-mufassirin* (ulama tafsir) terhadap istilah *wasata* yang terdapat dalam ayat 143 daripada Surah al-Baqarah ini. Tafsiran ulama tafsir tersebut adalah sebagaimana yang dipamerkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Tafsiran Istilah *Wasata*

Bil.	Ulama Tafsir	Tafsiran <i>Wasata</i>	Pendekatan Tafsir
------	--------------	------------------------	-------------------

⁹ Lihat artikel Pelaksanaan Konsep *Al-Wasatiyyah* Di Malaysia: Analisis Berdasarkan Tafsiran Ayat 143 Surah Al-Baqarah, Mohd Shukri Hanafi

¹⁰ Selain itu, istilah *al-wasatiyyah* ini juga disebut dalam beberapa ayat yang lain, seperti *al-wusta* (al-Baqarah, 2:238), *awsat* (al-Ma'idah, 5:89), *awsatuhum* (al-Qalam, 68:28), dan *fawasatna* (al-'Adiyat, 100:5).

1	Al-Tabariy (1992:8-10)	Ia bermaksud terpilih, terbaik dan adil. Terpilih dan terbaik seseorang manusia itu kerana sifat adil mereka. Hal ini berbeza dengan sikap melampau golongan Nasrani dan Yahudi. Golongan Nasrani mengatakan Allah SWT mempunyai anak (iaitu Nabi Isa a.s), manakala golongan Yahudi bertindak mengubah kitab suci yang diturunkan oleh Allah SWT, membunuh para Nabi yang diutuskan, dan mendustai Allah SWT.	<i>Tafsir bi al-ma'thur</i> ¹²
2	Ibn Kathir (1992:196-197)	Ia bermaksud terbaik, paling mulia, dan berkeadilan.	
3	Al-Qurtubiy (1993:104-105)	Ia bermaksud adil dan terbaik. Dalam hal ini, ia bukanlah bererti kedudukan di tengah-tengah antara dua perkara, seperti kedudukan di tengah-tengah antara baik dengan buruk.	
4	Al-Razi (1990:88-89)	Ia mempunyai empat makna. Pertama, adil iaitu tidak cenderung kepada dua pihak yang bertelagah. Dengan perkataan lain, adil di sini bermaksud jauh daripada dua tepi. Dua tepi itu diibaratkan sebagai melampau. Apabila jauh daripada sikap melampau maka wujudlah keadilan. Kedua, sesuatu yang terbaik. Ketiga, paling mulia dan sempurna; dan keempat, tidak melampau dalam urusan keagamaan. Misalnya, sikap melampau golongan Nasrani dan Yahudi. Golongan Nasrani mengatakan Allah SWT mempunyai anak (Nabi Isa a.s.), manakala golongan Yahudi bertindak mengubah kitab suci yang diturunkan oleh Allah SWT kepada mereka dan membunuh para Nabi yang diutuskan membawa wahyu.	<i>Tafsir bi al-ra'y</i> ¹¹
5	Al-Nasafiy (1996:132)	Ia bermaksud terbaik dan adil. Dikatakan terbaik kerana	
<p>¹¹ Diislahkan dalam 'Ulum al-Qur'an sebagai <i>tafsir al-'aql</i> ataupun <i>tafsir bi al-ijtihad</i> (al-'Akk, 1994:167). Ia bermaksud tafsiran yang berdasarkan kepada kekuatan akal dan daya intelek (<i>ijtihad</i>) seseorang ahli tafsir dalam usahanya mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an. Ia tidak berdasarkan empat sumber rujukan utama <i>tafsir bi al-ma'thur</i> (al-'Akk, 1994:167; al-Rabi'iy, 2005:124:125; al-Khalidiy, 2010:413-415).</p> <p>¹² <i>Tafsir bi al-ma'thur</i> ialah mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an dengan merujuk kepada empat sumber rujukan yang paling utama iaitu al-Qur'an (<i>tafsir al-Qur'an bi al-Qur'an</i>), al-Sunnah (<i>tafsir al-Qur'an bi al-Sunnah</i>), tafsiran para sahabat (<i>tafsir al-Qur'an bi aqwal al-Sahabah</i>) dan tafsiran para <i>tabi'in</i> (<i>tafsir al-Qur'an bi aqwal al-Tabi'in</i>) (al-Dhahabiy, 1992:154; al-Qattan, 1993:347; al-Khalidiy, 2010:199-201).</p>			

		kedudukannya yang berada di pertengahan. Sesuatu yang berada di tengah-tengah itu akan terpelihara dari segala perkara yang membahayakan. Hal ini berbeza dengan sesuatu yang berada di tepi kerana ia lebih terdedah kepada risiko bahaya.	
6	Al-Zamakhshariy (1995:1997)	Ia bermaksud yang terbaik dan yang paling adil. Kedua-duanya berada kesuatu perkara. Sesuatu perkara yang berada di antara pertengahan kerana sesuatu yang berada di tepi) adalah Tuhan dan ditungku arah ke yang dan kembalikan Maryam telah	
7	Qutb (1987:131)	Ia bermaksud yang menghasilkan sederhana, tidak melampau lebih dan tidak melampau kurang dalam urusan dunia dan akhirat.	
9	Hijazi (1992:81)	Ia bermaksud adil dan terbaik. Adil di sini bermaksud tidak bersikap melampau dalam segala urusan agama mahupun urusan dunia. Manakala terbaik pula bermaksud terbaik dari aspek akidah, hubungan sesama manusia (individu dan masyarakat), dan tidak menindas orang lain.	Tafsir al-'asr al-hadith ¹³
10	Al-Zuhayliy (1991:8-9)	Ia bermaksud adil, mengikuti ajaran Islam, tidak melampau lebih dan tidak melampau kurang dalam urusan agama dan dunia. Dalam hal ini, kehidupan golongan Yahudi dan Nasrani wajib diketepikan. Golongan Yahudi cenderung kepada kepentingan dunia sehingga mengabaikan akhirat, manakala golongan Nasrani lebih mementingkan aspek kerohanian sehingga mengabaikan hal keduniaan.	

Berdasarkan tafsiran *al-mufassirin* sama ada yang menggunakan pendekatan tafsir *bi al-ma'thur*, tafsir *bi al-ra'y* atau tafsir *al-'asr al-hadith* terhadap istilah *wasata* dalam Jadual 1, jelaslah bahawa istilah *wasata* itu bermaksud terpilih, terbaik, adil, mulia, sederhana, istiqamah, mengikuti ajaran Islam, tidak melampau lebih (ekstrim) dan tidak melampau kurang (liberal) dalam urusan keduniaan dan keakhiratan, rohani dan jasmani, tetapi seimbang antara kedua-dunya.

¹³ Menurut al-Khalidiy (2010:561), tafsir *al-'asr al-hadith* (moden) ini muncul sekitar akhir kurun ke-19M dan awal kurun ke-20M. Lazimnya, tafsir *al-'asr al-hadith* ini menggunakan pendekatan *tafsir bi al-ma'thur* dan *tafsir bi al-ra'y* secara bersepadu.

Secara lebih jelas lagi, *al-wasatiyyah* itu bermaksud sesuatu yang baik berada pada posisi di antara dua ekstrem. Tujuannya adalah untuk memperimbangkan dua keadaan yang ekstrem agar tidak berlebih-lebihan pada satu posisi tertentu dengan berpandukan objektif hukum-hukum Islam (*Maqasid al-Syar'iyah*)¹⁴. Apabila diaplikasikan konsep *al-wasatiyyah* dalam amalan kehidupan manusia, ia bermaksud seseorang itu tidak bersikap melampau lebih dan melampau kurang dalam menganut sesuatu kepercayaan, iaitu tidak menokok tambah atau mengurangkannya¹⁵ tidak boleh terlalu mengejar dunia semata-mata sehingga mengabaikan akhirat atau terlalu mengejar akhirat sehingga melupakan dunia¹⁶ dan begitulah juga tidak boleh mengejar kekayaan semata-mata sehingga melupakan individu-individu lain yang kurang berkemampuan.

Hal ini bukanlah bermaksud konsep *al-wasatiyyah* itu bersifat 50:50, iaitu bersifat pertengahan antara kaya dengan miskin atau antara pandai dengan bodoh. Selain itu, ia bukan juga bermaksud seseorang itu tidak boleh menjadi seorang yang kaya atau pandai. Dalam konsep *al-wasatiyyah*, seseorang itu boleh menjadi kaya, tetapi dengan kayanya itu dia tidak melupakan golongan yang tidak bernasib baik dan sentiasa membantu mereka seperti kayanya Abdul Rahman bin 'Awf r.a. yang habis mendermakan hartanya demi perjuangan Islam. Dalam hal ini, Islam melarang seseorang itu menjadi kaya seperti Qarun yang hidupnya bertambah kaya, sombong dan bangga dengan kekayaannya. Dia langsung tidak mahu mendermakan hartanya kepada golongan yang susah. Begitu juga seseorang itu boleh menjadi seorang yang pandai asalkan dengan kepandaiannya itu dia sentiasa menyumbang buah fikiran untuk membangunkan masyarakat dan negara.

Pada zaman permulaan Islam, umat Islam masih terpengaruh dengan cara kehidupan dan amalan dua golongan masyarakat. Golongan pertama ialah orang Yahudi dan Musyrikin yang cenderung kepada kepentingan dunia dan jasmani semata-mata. Golongan kedua pula ialah orang Nasrani dan *al-Sabi'in* yang lebih mementingkan kerohanian sehingga mengabaikan hal keduniaan. Apabila Islam datang, ajarannya telah mengharmonikan dua keadaan yang ekstrem itu dengan meletakkan kepentingan urusan dunia dan akhirat, serta rohani dan jasmani secara seimbang dan bersepadu, selain memberikan hak dan keperluan kemanusiaan secara adil dan saksama¹⁷.

Bagi menzahirkan umat yang terbaik, Allah SWT dan Rasulullah SAW menggesa umat Islam supaya jangan melampau dalam melakukan ibadah semata-mata untuk akhirat dengan mengabaikan urusan dunia¹⁸, tidak boros dan tidak kedekut dalam penggunaan harta-benda¹⁹ menolak kemudaratan dan memilih cara yang mudah serta selamat²⁰ mengiktiraf hak orang lain, sama ada hak yang melibatkan agama, mazhab, keturunan, bangsa, falsafah dan sebagainya²¹ dan memberi hak kebebasan bagi yang beriman atau sebaliknya²². Di samping itu, Islam juga telah mengharuskan umatnya untuk menggunakan kemewahan dunia dengan niat yang baik dan dalam batas yang dibenarkan²³.

¹⁴ Amir Faishol Fath, 2012:43; Ghazali Basri, 2008

¹⁵ Abdullah Basmeih, 2001

¹⁶ Mohd Ridhuan Tee Abdullah, 2010

¹⁷ Abdullah Mat Zin, 2013

¹⁸ Surah al-Qasas, 28:77, Hadith Riwayat Muslim, No. 3236

¹⁹ Surah al-Furqan, 25:67

²⁰ Surah al-Baqarah, 2:286

²¹ Surah al-Hujurat, 49:13

²² Surah al-Kahfi, 18:29

²³ Surah al-A'raf, 7:31-32

Berdasarkan perbincangan ini, maka dapatlah ditegaskan bahawa *al-wasatiyyah* itu ialah suatu pendekatan yang sangat dituntut oleh Islam. Pendekatan ini bersifat komprehensif dan bersepadu yang mampu menyelesaikan tuntutan serta permasalahan ummah. Sebenarnya *al-wasatiyyah* menuntut umat Islam supaya mengamalkan ajaran Islam secara berimbang dan syumul dalam segenap bidang kehidupan individu dan masyarakat, dengan memfokuskan untuk mempertingkatkan kualiti hidup manusia, sama ada dari segi pembangunan ilmu pengetahuan, pembangunan insan, sistem ekonomi dan kewangan, sistem politik, kenegaraan, pertahanan, perpaduan, imbalan antara kaum, dan sebagainya.

Perpaduan serta jurang perbezaan antara kaum di Malaysia dapat dijaga dengan mengikuti konsep *al-wasatiyyah* yang menggambarkan keseimbangan iaitu tidak bersikap melampau lebih dan tidak pula melampau kurang. Sebenarnya, sikap melampau akan menyebabkan kehancuran²⁴. Selain itu, ia juga mendorong timbulnya sikap memberat-beratkan masalah kecil dan tidak ada keterbukaan dalam perbezaan pendapat. Dalam hal ini, sikap berlapang dada adalah termasuk faktor keakraban dan perpaduan.

TAKRIF GAGASAN 1MALAYSIA

Oleh sebab idea G1M lahir daripada pemikiran Perdana Menteri, Mohd Najib Tun Abdul Razak, maka definisinya juga terlebih dahulu dirujuk kepada penjelasan beliau seperti berikut:

“Kita berdiri, kita berfikir dan bertindak sebagai bangsa Malaysia. Dan kita mengambil tindakan-tindakan berdasarkan kehendak semua kumpulan etnik dalam negara kita. Ini bukan bererti kita mengetepikan dasar afirmatif, dasar untuk menolong kaum Bumiputera asalkan dasar itu dilaksanakan dengan cara yang adil dan memberi pertimbangan kepada golongan Bumiputera yang layak mendapat sesuatu pertimbangan daripada kerajaan. Kita keluar daripada cara bertindak dalam tembok etnik yang kita amalkan sejak sekian lama.”

²⁵

Berdasarkan penjelasan ini, dapatlah dibuat dua kesimpulan. Pertama, rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum perlu berfikir melepasi sempadan kaum masing-masing. Mereka juga perlu melahirkan tindakan yang melepasi tembok kepentingan etnik dan kaum. Justeru, sesuatu bangsa tidak wajar hanya berfikir dalam skop bangsanya sahaja. Mereka juga tidak wajar membatasi tindakan mereka kepada perkara-perkara yang menjadi kepentingan mereka sahaja; dan kedua, kepimpinan negara akan melayani dan memenuhi segala keperluan dan hak rakyat tanpa mengira kaum dan agama di Malaysia.

Secara lebih jelas lagi, G1M ini adalah bertujuan menyatupadukan rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini tanpa mengubah identiti dan agama kaum-kaum tersebut. Di samping menjaga kepentingan semua kaum, G1M juga menekankan soal integrasi dan pewujudan bangsa Malaysia. Selain itu, G1M menekankan sikap penerimaan dalam kalangan rakyat berbilang kaum. Sesuatu kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar dapat hidup bersama dalam keadaan yang saling hormat-menghormati sebagai rakyat dalam satu negara²⁶

***AL-WASATIYYAH* DALAM GAGASAN 1MALAYSIA**

²⁴ Hadith Riwayat Muslim, No. 4823

²⁵ Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2009:8

²⁶ Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2009)

Mohd Najib Tun Abdul Razak telah mengaplikasikan *al-wasatiyyah* dalam G1M yang diperkenalkannya itu²⁷. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan dalam ucapan beliau dalam satu sidang media seperti berikut:

“Gandingan konsep Gagasan 1Malaysia dan konsep al-Wasatiyyah dalam Islam yang mementingkan kesederhanaan dan keseimbangan perlu terus dipromosikan bagi membentuk ummah yang berpaksikan kekuatan iman tanpa mengabaikan prinsip toleransi dan keadilan sosial rakyat berbilang bangsa serta agama di negara ini bagi memastikan sokongan padu rakyat terhadap agenda transformasi sosioekonomi yang sedang dilaksanakan terus mendapat dokongan masyarakat Islam yang merupakan penduduk majoriti negara ini.”²⁸

Tujuan dihubungkan antara dua perkara ini adalah untuk meningkatkan persefahaman dan perpaduan antara kaum berdasarkan konsep *al-wasatiyyah*. Secara tidak langsung, ia juga bertujuan mengelak daripada lahirnya golongan radikal dan ekstremis dari pelbagai agama, sama ada agama Kristian, Hindu, Buddha, dan Islam sendiri²⁹. Menurut Mohd Najib Tun Abdul Razak, melalui konsep *al-wasatiyyah* ajaran Islam akan direalisasikan dengan lebih komprehensif dan syumul serta berimbang antara pelbagai tuntutan. Ia bertujuan menjadikan Malaysia sebuah negara Islam contoh yang maju dan berimbang dalam segenap bidang.

KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhan perbincangan dalam artikel ini didapati usaha kerajaan Malaysia dalam melaksanakan *Khaira Ummah* dengan memperkenalkan konsep G1M dan juga TN50 merupakan di antara usaha yang patut diberikan sokongan oleh semua pihak ke arah merealisasikan Negara Islam yang lebih baik pada masa hadapan walaupun tanpa dinafikan kekurangan yang perlu diperbaiki dari masa ke semasa.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih (2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Abdullah Mat Zin (2013). “Wasatiyyah Dalam Hubungan Kaum”, *Dewan Tamadun Islam*, Jilid 11, hlm. 4-8
- Al-Nasafiy, ‘Abd Allah bin Ahmad. (1996). *Tafsir al-Nasafiy Madarik al-Tanzil wa Haqa’iq al-Ta’wil*, Jilid 1. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qurtubiy, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansariy. (1993). *Al-Jami‘ li Ahkam al-Qur’an*, Jilid 1. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

²⁷ Untuk menetapkan beberapa pengisian, hala tuju dan perancangan pelaksanaan *wasatiyyah* ini agar ia selaras dengan kehendak kerajaan yang ingin mewujudkan perpaduan yang lebih harmoni dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa, agama dan resam budaya di negara ini, maka kumpulan Panel Pemikir Konsep *al-Wasatiyyah* dibentuk. Ia diketuai oleh Jamil Khir Hj. Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010

²⁸ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010

²⁹ Ismail Ibrahim, 2009

- Al-Raziy, Fakhr al-Din. (1990). *Al-Tafsir al-Kabir aw Mafatih al-Ghayb*, Jilid 2. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tabariy, Abi Ja'far Muhammad bin Jarir. (1992). *Tafsir al-Tabariy al-Musamma Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*, Jilid 2. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zamakhshariy, Abu al-Qasim Jar Allah Muhammad bin 'Umar bin Muhammad. (1995). *Al-Kasysyaf 'an Haqa'iq wa Ghawamid al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujud al-Ta'wil*, Jilid 1, Syahin, Muhammad 'Abd al-Salam (Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zuhayliy, Wahbah. (1991). *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*, Jilid 2. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Amir Faishol Fath (2012). "Pemikiran Moderat Dalam Tafsir Al-Qur'an" dlm. Achmad Satori Ismail et. al., *Islam Moderat Menebar Islam Rahmatan lil 'Alamin*. Jakarta: Pustaka Ikadi.
- Bahagian Penerbitan Dasar Negara (2009). *Satu Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan*. Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia, Komunikasi dan Kebudayaan, Kementerian Penerangan.
- Basri Ibrahim al-Hasani al-Azhari (2007). *Melampau, Punca-Punca, Ciri-Ciri dan Cara Mengatasi*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
- Ghazali Basri (2008). *Dinamika Tasawwur Islam Dalam Pembentukan Keperibadian Umat*. Bandar Seri Begawan: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Haron Din (1990). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Din (1992). *Tasawwur Islam*. Shah Alam, Selangor: HIZBI Sdn. Bhd.
- Hijazi, Muhammad Mahmud. (1992). *Al-Tafsir al-Wadih*, Jilid 2. Al-Zaqaziq, Mesir: Dar al-Tafsir li al-Tab' wa al-Nasyr.
- Ibn Kathir, al-Hafiz Abi al-Fida' Isma'il. (1992). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Jilid 1. Beirut, Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- Ismail Ibrahim (2009). *1Malaysia Dalam Konteks Kepelbagaian Agama*. Diakses daripada <http://ummattanwasatan.net/2009/08/1malaysia-dalam-konteks-kepelbagaian-agama/>, pada 17 Ogos 2010.
- Ismail Ibrahim (2010). *Wasatiyyah Bukan Bererti Menyerah Kalah*. Diakses daripada http://www.dakwah.com.my/index.php?option=com_content&view=article&id=196:wasatiyyah-bukan-bererti-menyerah-kalah&catid=86&Itemid=309, pada 17 Ogos 2010.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2010). *Konsep Wasatiyyah Pendokong Gagasan 1Malaysia 1Ummah (2010)*. Diakses daripada <http://www.islam.gov.my/portal/lihat.php?jakim=4701>, pada 28 September 2010.
- Jafri Khalil (2002). Perpaduan Ummah: Permasalahan dan Penyelesaian dlm. *Perpaduan Ummah Realiti & Cabaran*. Selangor: Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi
- Laman web academia, <https://usm.academia.edu/MSHanapi>, dicapai pada 15 Okt 2017.
- Laman web Isma Web, <http://www.ismaweb.net/2017/02/dialog-tn50-perspektif-islam-ulasan-ketua-pemuda-isma1/>, dicapai pada 14 Okt 2017
- Mashitoh Ibrahim (2011). *Minda: Wasatiyyah Tangani Kepelbagaian Kaum*. Diakses daripada http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/minda_Wasatiyyahtanganikepelbagaiankaum/Article, pada 18 Mac 2011.
- Mohamed Azam Mohamed Adil et al. (2010). "1Malaysia: Satu Analisis Dari Perspektif Perlembagaan Persekutuan", kertas kerja yang dibentang di *Seminar Kebangsaan 1Malaysia*, anjuran Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah (UMS), bertempat di Universiti Malaysia Sabah, pada 1-3 November
- Mohd Ayop Abd Razid (2010). *Prinsip Kesederhanaan Mampu Wujudkan Kesejahteraan Sosial*. Diakses daripada <http://www.bharian.com.my/>

- articles/Prinsipkesederhanaanmampuujudkankesejahteraansosial/Article/print_html, pada 14 Januari 2011.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani (2013). *Kesederhanaan Langkah Keamanan Sejagat*. Diakses daripada <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Kesederhanaanlangkahkeamanansejagat/Article>, pada 17 Mac 2014.
- Mohd Hashim Kamali (2010). *Moderation and Balance in Islam: The Qur'anic Principle of Wasatiyyah*, IAIS Malaysia Monograph Series No.1. Kuala Lumpur: International Institute of Advance Islamic Studies Malaysia.
- Mohd Najib Tun Abdul Razak (2010). *Transformasi Minda Memeta Wawasan Melaksana Amanah*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Mohd Najib Tun Abdul Razak (2011). "Amalkan Kesederhanaan Berimbang. Teks Ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Majlis Perasmian *Konvensyen Wasatiyyah Sempena Satu Milenium Islam di Nusantara* di Putrajaya pada 10 Jun", dlm. *Utusan Malaysia*, 11 Jun hlm. 13. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad.
- Mohd Napiah Abdullah (2002). "Pembentukan Perpaduan Ummah Menurut Islam" dlm, *Perpaduan Ummah Realiti dan Cabaran*. Selangor: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah (2010). *Memahami Wasatiyyah*. Diakses daripada <http://www.themalaysianinsider.com/breakingviews/article/memahami-wasatiyyahdr-mohd-ridhuan-tee/>, pada 17 Ogos 2010
- Qutb, Sayyid. (1987). *Fi Zilal al-Qur'an*, Jilid 1. Kaherah, Mesir: Dar al-Syuruq.
- Sirojuddin Aly (2002). Paradigma Islam dalam Perpaduan Umat dlm. *Perpaduan Ummah Realiti & Cabaran*. Selangor: Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi
- Siti Rafmah Zakaria (2007). *Indeks Pembangunan Islam*. Diakses daripada <http://www.yadim.com.my/Sosial/SosialFull.asp?Id=545>, pada 14 Disember 2009
- Subky Latif (2002). Integrasi Nasional: Realiti dan Cabaran dlm. *Perpaduan Ummah Realiti & Cabaran*. Selangor: Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi.
- Suzalie Mohamad (2009). Hubungan Harmoni antara Agama dan Kaum Kunci Kestabilan Negara. Diakses daripada http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=1968&cmd=resetall, pada 26 Ogos 2010
- Suzalie Mohamad (2010). *Elakkan Perpecahan Demi Kepentingan Rakyat dan Negara*. Diakses daripada http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=2035&cmd=resetall, pada 26 Ogos 2010.
- Zainal Kling (2012). Konsep Wasatiyyah: Perspektif Sosial Sains. *Kertas Pembentangan Konvensyen Wasatiyyah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 10-11 Jun.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri (2008). *Al-Wasatiyah: Kaedah Pendekatan Islam*. Terengganu: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).